

14 JAN 2001

Mahathir-Syed Razak

SPEKULASI SYED RAZAK DIGUGURKAN TIDAK BENAR, KATA DR MAHATHIR

ALOR SETAR, 14 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata spekulasi Menteri Besar Kedah Datuk Seri Syed Razak Syed Zain akan digugurkan adalah tidak benar.

"Tidak benar sama sekali," katanya sambil menegaskan bahawa beliau tidak mengetahui apa-apa mengenai perkara berkenaan.

Ditanya adakah beliau berpuas hati dengan prestasi Syed Razak, yang memegang jawatan itu sejak Disember 1999, Dr Mahathir berkata: "Saya berpuas hati. Beliau telah melakukan kerja dengan baik."

Perdana Menteri ditanya pemberita di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim Kepala Batas di sini hari ini sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur, mengenai spekulasi bahawa Syed Razak akan turut terbabit dalam dalam rombakan Kabinet.

Beliau sebelum itu menghadiri istiadat Menyembah Tahniah dan Penganugerahan Darjah-Darjah serta Bintang-Bintang Kebesaran Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Sultan Kedah yang ke-73 di Istana Anak Bukit.

Syed Razak sebelum ini telah menafikan perkara berkenaan sebanyak dua kali. Kali pertama apabila akhbar berbahasa Cina melaporkan beliau akan meletak jawatan dalam tempoh terdekat.

Kali kedua, spekulasi bertiup apabila sebuah akhbar melaporkan Syed Razak dipanggil berjumpa Perdana Menteri di Putrajaya pada Jumaat lepas. Syed Razak semalam menjawab bahawa beliau hanya berjumpa Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin semasa kunjungan itu.

Dalam perkembangan lain, Dr Mahathir berkata perbincangan berhubung perpaduan Melayu sekarang ini berada di peringkat teknikal.

Perbincangan peringkat teknikal itu yang melibatkan Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob dan Setiausaha Agung Pas Nasharudin Mat Isa berkaitan tentang logistik dan format, katanya.

Sementara itu, Syed Razak ketika ditanya mengenai kenyataan Dr Mahathir itu berkata: "Saya mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri yang telah menjelaskan kedudukan sebenar."

"Selama ini saya tidak terasa sangat dengan spekulasi itu. Semasa spekulasi itu dihebohkan saya menjalankan tugas macam biasa dan menumpukan kepada kerja untuk membawa pembangunan kepada negeri," katanya.

Sementara itu di PENDANG, Presiden PAS Datuk Fadzil Noor berkata parti itu juga mempunyai beberapa cadangan untuk dikemukakan kepada Umno dalam perbincangan itu nanti demi perpaduan umat Melayu.

"Bagaimanapun kita tidak akan memenuhi sebarang permintaan Umno yang bertentangan dengan perjuangan PAS," katanya kepada pemberita selepas berucap di majlis ceramah di Gajah Putih, malam tadi.

Beliau berkata Jawatankuasa teknikal PAS mengenai perbincangan itu yang diketuai Setiausaha Agung Nasharudin Mat Isa akan membentuk garis panduan dan langkah-langkah yang perlu diambil dalam perbincangan itu nanti bagi memenuhi hasrat semua anggota PAS.

Fadzil juga berkata kesediaan Umno untuk semeja bersama PAS bagi membincangkan perpaduan Melayu, secara tidak langsung menunjukkan bahawa PAS menerima pengiktirafan terhadap kemampuannya menyatupadukan umat Melayu di negara ini.

Turut hadir pada majlis ceramah itu ialah Mursyidul Am PAS, Datuk Nik Aziz Nik Mat yang juga Menteri Besar Kelantan.

Di KANGAR, Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim berkata usaha penyatuan Melayu tidak harus dipandang remeh kerana ia turut

membabitkan masa depan negara.

Menurutnya, kekuatan negara turut bergantung kepada kekuatan orang-orang Melayu dan yang demikian orang-orang Melayu perlu bersatu-padu.

Semasa berucap pada majlis jamuan Hari Raya kawasan Dewan Undangan Negeri Tambun Tualang dan Pauh dekat sini, hari ini, Shahidan menyatakan rasa kecewanya kerana masih ada pihak yang memandang remeh usaha penyatuan Melayu.

Orang-orang Melayu tidak sepatutnya berpecah semata-mata perbezaan fahaman politik, katanya.

-- BERNAMA

AD PR